

PSB - Bahagian Arkib

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Sunday, 21 April, 2019 3:31 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Raja Azura Terima Medal 2019 Influential Leader AACSB



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia

21 APRIL 2019 / 15 SYAABAN 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

RAJA AZURA TERIMA MEDAL 2019 INFLUENTIAL LEADER AACSB



UUM ONLINE: Alumni Universiti Utara Malaysia (UUM), Raja Azura Raja Mahayuddin menerima Medall 2019 Influential Leader AACSB yang disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Madya Dr. Hendrik Lamsali, di Dewan Seminar C, Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi & Logistik (STML), baru-baru ini.

Prof. Madya Dr. Hendrik berkata, anugerah Influential Leader AACSB bertujuan mengiktiraf graduan daripada College of Business (UUM COB) di bawah payung "AACSB Business Education" yang telah memberi sumbangan besar dalam bidang masing-masing.

"Majlis julung kali ini diadakan untuk menghargai Raja Azura yang terpilih sebagai 2019 Influential Leader AACSB. Tahniah diucapkan kepada beliau yang juga graduan Sarjana Muda Perakaunan tahun 1997.

"Raja Azura antara 33 pemenang dari 13 negara yang bersaing hebat dengan calon-calon dari hampir 1,000 AACSB College of Business dan ini merupakan satu kebanggaan kepada UUM khususnya dan Malaysia amnya," ucapnya.

Ujarnya, kemenangan Raja Azura antara lain kerana impak sumbangannya terhadap pembangunan generasi muda di Malaysia.

Menurutnya, di UUM beliau banyak menyumbang bakti sebagai Penasihat Industri kepada Kelab NOVAC dan membantu menjayakan aktiviti kelab terutamanya menjadi penghubung kepada pihak industri dan beliau adalah penerima Outstanding Alumni Award kerana sokongan yang diberikan.

UUM COB telah memenuhi 15 standard kualiti yang telah ditetapkan oleh The Association to Advance Collegiate School of Business (AACSB).

Terkini, Beta Gamma Sigma (BGS) UUM telah menerima anugerah 2019 Outstanding Chapter - Best Practice dan BGS adalah international honor society yang berkait rapat dengan AACSB.

Pelajar BGS UUM telah berjaya menerima biasiswa untuk menghadiri program kepimpinan seperti di Geneva, New York, Cairo, Tsibaura Japan, Oklahoma, Chicago dan Jakarta. Keahlian dalam BGS adalah pengiktirafan tertinggi yang diterima oleh pelajar UUM COB.

Dalam pada itu, Raja Azura turut menyampaikan syarahan bertajuk Leadership @ Heart di hadapan para pelajar dan warga kampus

Majlis turut dihadiri oleh Dekan PPA COB, Dr. Herman Shah Anuar; Timbalan Dekan PPA COB, Dr. Muhammad Rosni Amir Hussin; Pengarah Unit Akreditasi AACSB UUM COB, penyelar PPA COB dan Penasihat Kelab Novac.

DARIPADA:
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
04-928 3048/3049/3052/3061
04-928 3053
ukkuum@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.